

P.U.(A) 337/2011

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (WARAN INDEKS) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Waran Indeks) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 4 Oktober 2011.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “waran indeks” ertinya suatu derivatif yang diniagakan pada suatu bursa saham yang seseorang pemegang itu mempunyai suatu hak untuk menerima suatu jumlah tunai atau harta lain, bergantung kepada perubahan dalam nilai atau harga suatu indeks sandaran.

Waran indeks ditetapkan sebagai sekuriti

3. Waran indeks ditetapkan sebagai sekuriti bagi maksud undang-undang sekuriti.

Dibuat 29 September 2011

[KK/BPKA/K1(S)/483/128/1/1; PN(PU²)662/V]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua